

GARIS PANDUAN PENILAIAN TESIS SARJANA/PhD

CEMERLANG

Tiada pembedaan/masalah dan hanya memerlukan sedikit suntingan teks, tatabahasa dan ejaan.

Penerangan :

Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk pembedaan minor kurang dari 1 bulan

Semakan/perakuan oleh penyelia sahaja

BAIK

- Memerlukan sedikit suntingan teks, format jadual/rajah, tatabahasa dan ejaan.
- Memerlukan hanya sedikit maklumat tambahan. Hanya memerlukan penjelasan berhubung beberapa bahagian kecil dalam teks.
- Tidak memerlukan ujikaji tambahan, pengumpulan data baru, atau penulisan semula yang banyak.

Penerangan :

Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembedaan minor 1-3 bulan

Semakan dan perakuan oleh penyelia dan pemeriksa dalam

SEDERHANA

- Memerlukan sedikit ujikaji tambahan, pengumpulan data baru, atau penulisan semula yang banyak.
- Tidak memerlukan banyak perubahan pada kesimpulan apabila ditulis semula.

Penerangan :

Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembedaan major 4-9 bulan

Semakan dan perakuan oleh pemeriksa dalam

LEMAH 1

- Mempunyai kelemahan yang besar dan mempunyai kesan ke atas kesimpulan dalam tesis.
- Mempunyai kelemahan yang hanya boleh dibaiki jika kerja-kerja tambahan dibuat bagi menambahbaik tesis untuk pemeriksaan semula.
- Memerlukan kerja eksperimen tambahan, analisis statistik tambahan, penulisan semula banyak bahagian dalam tesis dan perkembangan tinjauan bacaan.

Penerangan :

Jawatankuasa Peperiksaan Lisan menangguhkan keputusan untuk Peperiksaan Semula

Peperiksaan semula dan diperakuan oleh Jawatankuasa

LEMAH 2

- Mempunyai kelemahan yang ketara sehingga kerja-kerja tambahan atau pembedahan tidak dapat meningkatkan tahap tesis kepada piawaian yang ditetapkan; atau
- Mempunyai kelemahan yang tidak dapat diperbaiki seperti metodologi penyelidikan yang tersasar; atau
- Mempunyai data kajian yang tidak mencukupi; atau
- Mengandungi fakta yang salah; atau
- Melakukan pemalsuan data atau salah laku penyelidikan; atau
- Mempunyai kerja atau teks yang diplagiat.

Penerangan : Gagal dan tidak layak dianugerahkan ijazah